

Headline	Dapat nyawa kedua		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	02 Feb 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	214,000
Page No	38	Readership	642,000
Language	Malay	ArticleSize	865 cm ²
Journalist	Norazimah Narudin	AdValue	RM 25,490
Frequency	Daily	PR Value	RM 76,471



RUMAH perlindungan ILZ yang menempatkan penagih dadah dan pesakit HIV yang diterajui Dr Siva Thuraiarasingam.



Norazimah Narudin
am@hmetro.com.my

Jobor Bahru

“Saya umpama mendapat nyawa kedua tatkala berada di sini,” kata lelaki berusia 48 tahun yang juga pesakit AIDS yang diberi peluang tinggal di rumah perlindungan Intan Life Zone Welfare Society (ILZ) di Jalan Wijaya Taman Abad, di sini. Hanya mahu dikenali sebagai Helmi, penghuni rumah perlindungan berkenaan meluahkan masa dan berkongsi kisah hidupnya apabila terjebak gejala dadah sebelum dijangkiti HIV/AIDS.

Dia mengakui keadaan persekitaran dan juga sikap sendiri menyebabkan dia terjerumus ke kancha durjana sejak 1998 dan disahkan dijangkiti AIDS pada 2002 akibat berkongsi jarum suntikan.

Katanya, bermula dengan tabiat menghisap ganja bersama rakan sekerja, kehidupannya menjadi kelam sedikit demi sedikit.

“Pada awalnya saya menghisap ganja bersama rakan sekerja, balik rumah saya hadap lagi benda haram itu dengan ahli keluarga bekas isteri.

“Saya tidak menyalahkan mereka kerana semua ini terjadi akibat perbuatan sendiri,” katanya ketika ditemui di rumah perlindungan itu, baru-baru ini.

Rumah yang ditubuhkan pada 2003 diterajui seorang pengamal perubahan bernama Dr Siva Thuraiarasingam dan ahli komuniti prihatin sebagai tempat pemulihan dan pesakit AIDS berlingung.

Di rumah ini penghidap HIV/AIDS yang juga bekas

penagih mendapat peluang kedua menjalani kehidupan lebih baik dan sihat dengan rawatan secara percuma.

Mengimbuai sejarah lalu Helmi berkata, dia terjebak dengan penyalahgunaan dadah ketika anaknya berusia tujuh bulan.

“Ketika itu saya bekerja sebagai pelayan bar di sebuah hotel di bandar raya ini dengan gaji RM3,000 sebulan.

“Di situ rakan sekerja memperkenalkan dadah seperti heroin, pil dan apa saja saya cuba. Pada waktu itu saya mengambil dadah sekadar suka-suka. Duit yang ada tidak tau nak buat apa-apa padahal tiada pun tekanan kerja,” katanya.

Menurutnya bahana penggunaan dadah itu menyebabkan bapa seorang anak itu pernah mengalami jang-



BILIK tidur penghuni ILZ.

“ Saya tidak salahkan mereka kerana semua ini terjadi akibat perbuatan sendiri Helmi ”

kitan kulat di otak dan koma dua minggu. Bagaimanapun, Allah masih memanjangkan usianya hingga hari ini.

“Perkahwinan saya tidak kekal lama, selepas anak berusia setahun lebih isteri meminta cerai kerana tidak tahan dengan tabiat dadah ini,” katanya bersyuk-



PENGHUNI ILZ berehat di ruang tamu.

kur dan lega apabila anak dan isterinya disahkan bebas HIV.

Menyingskap detik-detik kemusnahan hidupnya, Helmi tersenyum pahit mengenangkan peristiwa hitam itu, malah terpancar di wajahnya kekesalan yang amat mendalam.

“Sebelum ini saya pernah keluar dari sini apabila disahkan sihat. Ini kali kedua saya masuk semula ke rumah ini. Apabila berada di luar, perasaan gian muncul. Saya mudah terpengaruh kembali menagih dadah bersama kawan,” katanya.

Tidak mahu perkara itu terjadi kepada generasi muda, Helmi mahu orang ramai menjauhi najis dadah.

“Budak yang baru nak cuba, jangan sesekali mendekati dadah. Jika dadah ini menguasai diri, kita tidak mampu lagi berfikir dengan waras.

“Kalau tidak kasihankan keluarga, kasihanilah diri sendiri,” katanya bersyukur

kerana berpeluang lagi kembali ke pangkal jalan selepas hampir 20 tahun tersasar.

Seorang lagi penghuni ILZ, Faizal Osman, 30, (bukan nama sebenar) berasal dari Muar mengakui dijangkiti HIV selepas mengamalkan seks bebas dengan bekas teman wanita yang juga pelacur, selama dua tahun.

“Saya disahkan positif HIV apabila dimasukkan ke wad akibat demam. Doktor memberitahu dijangkiti HIV dan ketika itu saya sudah berpisah dengan kekasih.

“Ketika itu, saya cemas kerana menyangka tiada lagi peluang hidup sehingga saya mendapatkan khidmat kaunseling dari doktor serta pengambilan ubat. Walaupun ubat itu tidak boleh menyembuhkan, tetapi saya lega,” katanya.

Menurut Faizal selain hubungan seks bebas, dia turut tinggal serumah bersama rakan penagih dadah yang menghidap HIV dan berkongsi pisau cukur miliknya. “Saya bimbang juga kerana

saya alah ubat HIV yang di-berikan doktor, tetapi sekarang saya jumpa ubat sesuai dengan kos RM800 sebulan,” katanya.

Katanya dia bernasib baik daripada penghuni lain kerana dijangkiti HIV pada tahap yang tidak terlalu teruk dan belum disahkan AIDS.

“Disebabkan saya lebih sihat, saya dilantik menjadi pemandu di ILZ. Tugas saya menghantar dan mengambil kawan yang mendapatkan rawatan susulan di Hospital Sultanah Aminah (HSA).

“Saya belum AIDS lagi cuma ada HIV. Selepas ada penyakit ini keadaan badan jauh berbeza. Kini badan cepat letih, lenguh dan lemah walaupun saya mengambil ubat dua kali sehari iaitu pada jam 9 pagi dan 9 malam,” katanya.

Dia bersyukur kerana keluarga amat memahami. Selain mengambil keputusan untuk tinggal di ILZ untuk memperbaiki diri, dia juga mahu berkhidmat kepada rakan senasib di situ.



ANTARA aktiviti penghuni rumah ILZ selain menerima rawatan pemulihan.